

**Belia dan ICT:
Satu Kajian Pembentukan Masyarakat Jaringan ***

**Oleh
Mohd Safar Hasim**

PENGENALAN

Masyarakat jaringan atau *network society* mula terbentuk dengan wujudnya ICT khususnya Internet. Jaringan yang dimaksudkan di sini pada asasnya ialah jaringan yang dibangunkan komputer melalui Internet atau intranet. Akses kepada jaringan ini kini bukan saja melalui komputer tetapi melalui telefon bimbit atau PDA. Masyarakat jaringan wujud apabila perniagaan, kerajaan dan badan-badan lain mula mengguna kaedah baru ini dalam mengakses maklumat dan data untuk tujuan dagangan, sosial dan hal ehwal kerajaan. mewujudkan sistem jaringan yang boleh diakses melalui komputer. Antara institusi perniagaan yang pertama yang mewujudkan sistem jaringan ini ialah bank dan ini diikuti oleh badan-badan perniagaan lain. Jaringan yang diwujudkan oleh bank membolehkan pelanggan mengguna ATM. Akhirnya, wujudlah apa yang kini dikenali sebagai e-commerce. Kerajaan juga tidak ketinggalan dalam menggunakan teknologi kecanggihan ICT. Di Malaysia, ini dapat dilihat dari penggunaan MyKad. Namun, perniagaan yang paling besar mendapat faedah daripada revolusi ICT ialah penggunaan kad kredit yang digunakan secara secara sejagat.

Di dalam masyarakat jaringan, penggunaan kad-kad seperti ATM atau bankcard, MyKad dan kad kredit dilihat sebagai tidak dapat dielakkan. Siapakah yang paling terlibat dalam penggunaan kad-kad ini? Adakah orang muda atau orang dewasa, atau remaja belasan tahun? Oleh kerana kajian ini ingin melihat persepsi pengguna

* Kertas Kerja ini dibentangkan di Persidangan Meja Bulat Belia pada 27 Mac 2007 di ESSET, Bangi. Data untuk kertas kerja ini diambil sebahagian daripada kajian Masyarakat Jaringan di Malaysia yang dibiayai oleh IRPA. Para penyelidik kajian ini terdiri daripada Prof Madya Fuziah Kartini Hassan Basri, Dr Mohd Yusof Abdullah, Mohd Azul Salleh dan Mat Pauzi A Rahman.

perkhidmatan bank, kad kredit dan touchngo, tumpuan diberikan kepada mereka yang sudah bekerja. Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan. Para responden ditemubual menggunakan satu soalselidik yang standard. Sampel kajian ini terdiri daripada 1,105 orang belia berumur antara 21 hingga 40 tahun dari seluruh Malaysia.

Antara lain tujuan kajian ini ialah untuk:

1. Mengenalpasti pemilikan Mykad, ATM/Bankcard, kad kredit, kad touchNGo dan kad debit secara amnya.
2. Mengenalpasti pemilikan Mykad, ATM/Bankcard, kad kredit dan kad touchNGo mengikut kelompok umur, pendapatan dan pendidikan.
3. Mengenalpasti urusan perbankan responden mengikut umur dan pendapatan.
4. Mengenalpasti pendapat responden mengenai amalan kad kredit mengikut umur dan jantina.

PROFIL KAJIAN

Daripada 1,105 responden, 522 orang atau 47.2% terdiri daripada lelaki dan 583 orang atau 52.8% adalah wanita. Sampel ini dipecahkan kepada dua iaitu mereka yang berumur antara 21-30 tahun dan 31-40 tahun. Sebanyak 69.1% terletak dalam kelompok 21-30 tahun dan 30.9% dalam kelompok 31-40 tahun. Responden melayu adalah paling ramai iaitu 48.8%, Cina 29.3%, India 7.4%, Kadazandusun 7.5% dan Iban 4.2%, dan lain-lain 2.8%. Sebanyak 57.1% daripada sampel mempunyai pendidikan tertiar, dan 42.9% berpendidikan setakat sekolah sahaja. Sebanyak 28.8% daripada sampel berpendapatan RM1,000 dan ke bawah, 53.8% berpendapatan antara RM1,001 dan RM3,000, dan sebanyak 17.4% berpendapatan RM3,001 dan ke atas. Untuk perinciannya sila lihat Jadual 1: Profil Responden.

Jadual 1: Profil Responden

Jumlah Responden	1105	100.0
Jantina	Jumlah	%
Lelaki	522	47.2
Perempuan	583	52.8
Kelompok Umur	Jumlah	%
21-30	764	69.1
31-40	341	30.9
Etnik	Jumlah	%
Melayu	539	48.8
Cina	324	29.3
India	82	7.4
Kadazandusun	83	7.5
Iban	46	4.2
Lain-lain	31	2.8
Tahap Pendidikan	Jumlah	%
Pendidikan Tertiari	631	57.1
Pendidikan Sekolah	474	42.9
Kelompok Pendapatan	Jumlah	%
RM1000 dan ke bawah	318	28.8
RM1001-RM3000	595	53.8
RM3001 dan ke atas	192	17.4

Pemilikan Kad

Kajian ini cuba melihat pemilikan kad di kalangan responden. Kad-kad yang dikaji ialah kad ATM atau Bankcard, Mykad, kad kredit, kad TouchnGo, dan kad debit. Sebanyak 86.8% daripada responden mengatakan mereka memiliki kad ATM atau bankcard. Ini adalah tinggi berbanding dengan Pemilikan kad-kad lain. Sebanyak 52.0% memiliki Mykad. Jumlah ini mungkin kerana pada masa kajian ini, para responden masih memiliki kad pengenalan biasa, dan ramai yang masih belum menukarkan kad pengenalan itu kepada Mykad. Sementara mereka yang memiliki kad kredit ialah sebanyak 26.3%. Jumlah ini mungkin secara kebetulan merupakan peratus pemilikan kad kredit secara nasional. Mereka yang memiliki kad touchNGo pula ialah 16.8% dan kad debit ialah sebanyak 4.4%. Sila lihat Jadual 2: Pemilikan Kad. Pemilikan kad ini juga dilihat mengikut kelompok umur.

Jadual 2: Pemilikan Kad (Am)

Pemilikan Kad	Ya (%)	Tidak (%)	Jumlah
ATM/Bankcard	86.8	13.2	100.0
MyKad	52.0	48.0	100.0
Kad Kredit	26.3	73.7	100.0
TouchNGo	16.8	83.2	100.0
Kad Debit	4.4	95.6	100.0

Berikut ialah dapatan daripada perbandingan yang dibuat terhadap pemilikan Mykad, bankcard, kad kredit dan kad touchNGo mengikut kelompok umur.

Pemilikan Mykad Mengikut Kelompok Umur

Kajian ini berminat untuk melihat Pemilikan Mykad mengikut kelompok umur 21-30 tahun dan 31-40 tahun. Seramai 54.1% daripada responden dalam kelompok umur 21-30 tahun memiliki Mykad, manakala 47.5% sahaja dalam kelompok umur 31-40 tahun memiliki Mykad. Ini bermakna ketika kajian ini dijalankan mereka yang berumur dalam kelompok umur 31-40 tahun masih belum menukarkan kepada Mykad. Perincian yang dibuat menunjukkan mereka yang masih belum menukarkan kad pengenalan kepada Mykad mengatakan kad pengenalan lama masih boleh digunakan tanpa perlu menukarkan kepada Mykad. Sila lihat Jadual 3: Pemilikan Mykad Mengikut Kelompok Umur.

Jadual 3: Pemilikan MyKad Mengikut Kelompok Umur

Pemilikan MyKad	Kelompok Umur	
	21-30 Tahun (N=764)	31-40 Tahun (N=341)
Ya	54.1	47.5
Tidak	45.9	52.5
Jumlah	100.0	100.0

Pemilikan BankCard Mengikut Kelompok Umur

Kajian ini juga melihat pemilikan kad ATM atau bankcard mengikut kelompok umur. Bagi kelompok umur 21-30 tahun jumlah responden yang memiliki kad ATM atau bankcard ialah 87.6% dan mereka yang di dalam kelompok umur 31-40 tahun ialah 85.0%. Jumlah ini tidak banyak bezanya antara dua kelompok umur ini. Sila lihat Jadual 4: Pemilikan Bankcard Mengikut Kelompok Umur.

Jadual 4: Pemilikan BankCard Mengikut Kelompok Umur

Pemilikan BankCard	Kelompok Umur	
	21-30 Tahun (N=764)	31-40 Tahun (N=341)
Ya	87.6	85.0
Tidak	12.4	15.0
Jumlah	100.0	100.0

Pemilikan Kad Kredit Mengikut Kelompok Umur

Terdapat sejumlah 20.6% daripada responden dalam kelompok 21-30 tahun memiliki kad kredit, sebaliknya sejumlah 38.4% daripada kelompok responden yang berumur 31-40 tahun memiliki kad kredit. Jumlah peratusan yang tinggi di kalangan kelompok yang berumur 31-40 tahun dapat difahami kerana lebih ramai dalam kumpulan ini yang berpendapatan lebih tinggi berbanding dengan kelompok umur 21-30 tahun. Sila lihat Jadual 5: Pemilikan Kad Kredit Mengikut Kelompok Umur.

Jadual 5: Pemilikan Kad Kredit Mengikut Kelompok Umur

Pemilikan Kad Kredit	Kelompok Umur	
	21-30 Tahun (N=764)	31-40 Tahun (N=341)
Ya	20.6	38.4
Tidak	79.1	61.6
Jumlah	100.0	100.0

Pemilikan Kad TouchNGo Mengikut Kelompok Umur

Perbandingan yang dibuat bagi pemilikan kad TouchNGo antara kelompok umur 21-30 tahun dan 31-40 tahun mendapati bahawa mereka yang berumur dalam kelompok 31-40 tahun lebih tinggi pemilikan kad touchNGo berbanding mereka yang berumur dalam kelompok 21-30 tahun. Hasil ini dapat difahami yang mereka dalam kelompok umur 31-40 tahun lebih berkemampuan untuk memiliki kad TouchNGo dan kemungkinan mereka memilik kereta juga adalah lebih tinggi.

Jadual 6: Pemilikan Kad TnGo Mengikut Kelompok Umur

Pemilikan Kad TnG	Kelompok Umur	
	21-30 Tahun (N=764)	31-40 Tahun (N=341)
Ya	14.7	21.7
Tidak	85.3	78.3
Jumlah	100.0	100.0

Berikut ialah dapatan daripada perbandingan yang dibuat terhadap pemilikan bankcard dank ad kredit mengikut kelompok pendapatan.

Pemilikan Bankcard Mengikut Kelompok Pendapatan

Kajian ini mendapati responden di dalam kelompok umur RM1,001-RM3,000 lebih tinggi memiliki Bankcard iaitu 89.2%, manakala mereka yang dalam kelompok RM1,000 dan ke bawah memiliki 78.9% dan dalam kelompok pendapatan RM3,000 sebanyak 21.2%.

Jadual 7: Pemilikan Bankcard Mengikut Kelompok Pendapatan

Pemilikan BankCard	Kelompok Pendapatan		
	RM1000 dan ke bawah (N=318)	RM1001-RM3000 (N=595)	RM3001 & ke atas (N=192)
Ya	78.9	89.2	21.1
Tidak	21.1	10.8	10.8
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Pemilikan Kad Kredit Mengikut Kelompok Pendapatan

Perbandingan yang dibuat mengikut tiga kelompok pendapatan mendapati mereka yang berpendapatan tinggi lebih ramai memiliki kad kredit (59.4% daripada responden dalam kelompok ini), manakala yang berpendapatan rendah paling kurang memiliki kad kredit. Sila lihat Jadual 8: Pemilikan Kad Kredit Mengikut Kelompok Pendapatan.

Jadual 8: Pemilikan Kad Kredit Mengikut Kelompok Pendapatan

Pemilikan Kad Kredit	RM1000 dan ke bawah (N=318)	RM1001-RM3000 (N=595)	RM3001 dan ke atas (N=192)
	Ya	5.7	26.7
Tidak	94.3	73.3	40.6
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Pemilikan Kad TnG Mengikut Kelompok Pendapatan

Perbandingan yang dibuat mengenai pemilikan kad touchNGO mendapati mereka yang dalam kelompok pendapatan RM3,001 dan ke atas lebih tinggi memiliki kad touchNGO berbanding dengan dua kelompok pendapat lain. Dapatan ini dapat difahami kerana mereka yang dalam kelompok pendapatan tinggi lebih berkemungkinan memiliki kad touchNGO.

Jadual 9: Pemilikan Kad TnG Mengikut Kelompok Pendapatan

Pemilikan Kad TnG	RM1000 dan ke bawah (N=318)	RM1001-RM3000 (N=595)	RM3001 dan ke atas (N=192)
Ya	3.8	18.3	33.9
Tidak	96.2	81.7	66.1
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Berikut diuraikan pemilikan Mykad, Bankcard, kad kredit dan kad touchNGO mengikut tahap pendidikan.

Pemilikan MyKad Mengikut Tahap Pendidikan

Perbandingan yang dibuat terhadap pemilikan Mykad mengikut tahap pendidikan mendapati mereka yang berpendidikan tertiar lebih tinggi memiliki Mykad berbanding mereka yang tahap pendidikannya setakat sekolah.

Jadual 10: Pemilikan MyKad Mengikut Tahap Pendidikan

	Pendidikan	
Pemilikan MyKad	Tertiari (N=631)	Sekolah (N=474)

Ya	54.0	49.4
Tidak	46.0	50.6
Jumlah	100.0	100.0

Pemilikan BankCard Mengikut Tahap Pendidikan

Dapatan kajian menunjukkan mereka yang berpendidikan tertiary lebih tinggi memiliki Mykad iaitu 92.1% berbanding mereka yang berpendidikan sekolah (79.7%).

Jadual 11: Pemilikan BankCard Mengikut Tahap Pendidikan

Pemilikan BankCard	Pendidikan	
	Tertiari (N=631)	Sekolah (N=474)
Ya	92.1	79.7
Tidak	7.9	20.3
Jumlah	100.0	100.0

Pemilikan Kad Kredit Mengikut Tahap Pendidikan

Pemilikan kad kredit adalah lebih tinggi di kalangan mereka yang berpendidikan tinggi. Hasil kajian ini menunjukkan 34.1% daripada mereka yang berpendidikan tertiar memiliki kad kredit, manakala mereka yang berpendidikan sekolah cuma 16.0%. Pemilikan yang tinggi bagi mereka berpendidikan tinggi mempunyai kaitan dengan pendapatan mereka kerana mereka dalam tahap ini bekerja lebih baik.

Jadual 12: Pemilikan Kad Kredit Mengikut Tahap Pendidikan

Pemilikan Kad Kredit	Pendidikan	
	Tertiari (N=631)	Sekolah (N=474)
Ya	34.1	16.0
Tidak	65.9	84.0
Jumlah	100.0	100.0

Pemilikan Kad TnG Mengikut Tahap Pendidikan

Dapatan mengenai pemilikan kad TnG mengikut pendidikan mendapati bahawa mereka yang berpendidikan tertiary lebih tinggi pemilikan kad TnG (29.4%), manakala mereka yang berpendidikan sekolah pemilikannya lebih rendah (12.0%).

Jadual 13: Pemilikan Kad TnG Mengikut Tahap Pendidikan

Pemilikan Kad TnG Mengikut Pendidikan	Pendidikan	
	Tertiari (N=631)	Sekolah (N=474)
Ya	29.4	12.0
Tidak	79.6	88.0
Jumlah	100.0	100.0

Urusan Perbankan Mengikut Kelompok Umur

Kajian ini juga berminat untuk mengetahui bagaimana para responden mengadakan urusan bank mereka, sama ada di kaunter, diATM atau melalui Internet.

Hasil kajian yang dibuat secara perbandingan menunjukkan bahawa 92.1% daripada responden dalam kelompok umur 31-40 tahun mengadakan urusan perbankan mereka di kaunter, berbanding 86.9% bagi mereka dalam kelompok 21-30 tahun. Bagi urusan di ATM, peratusan dalam kelompok 21-30 tahun adalah lebih tinggi berbanding kelompok 31-40 tahun, iaitu 88.9% berbanding 81.8%. Manakala mereka yang berurusan melalui Internet, penggunaan yang lebih tinggi dari kelompok 21-30 tahun berbanding kelompok 31-40 tahun, iaitu 11.5% berbanding 10.5%. Penemuan yang terakhir ini menunjukkan mereka yang dalam kelompok umur 21-30 tahun lebih cenderung untuk menggunakan Internet dalam urusan mereka, satu daripadanya ialah berkaitan urusan perbankan. Namun penggunaan melalui Internet masih rendah bagi kedua-dua kelompok umur ini.

Jadual 14: Urusan Perbankan Mengikut Kelompok Umur

Urusan Perbankan	Kelompok Umur	
	21-30 (N=764)	31-40 (N=341)
Berurusan di kaunter	86.9	92.1
Berurusan di ATM	88.9	81.8
Berurusan Melalui Internet	11.5	10.5

Urusan Perbankan Mengikut Kelompok Pendapatan

Urusan perbankan mengikut kelompok pendapatan, mendapati mereka yang di dalam kelompok pendapatan RM1,001 – RM3,000 lebih tinggi berurusan di kaunter, mereka yang dalam kelompok RM1,001-RM3,000 dan kelompok RM3,001 dan ke atas juga

tinggi berurusan di ATM. Manakala mereka dalam kelompok pendapatan tinggi lebih tinggi berurusan melalui Internet berbanding dengan pendapatan rendah.

Jadual 15: Urusan Perbankan Mengikut Kelompok Pendapatan

Urusan Perbankan	Kelompok Pendapatan		
	RM1000 dan ke bawah (N=318)	RM1001 – RM3000 (N=594)	RM3001 dan ke atas (N=192)
Berurusan di Kaunter	28.6	88.2	84.3
Berurusan di ATM	82.4	88.2	88.5
Berurusan Melalui Internet	5.6	11.2	20.3

Amalan Penggunaan Kad Kredit

Para responden telah ditanya lima item berkaitan dengan amalan penggunaan kad kredit berdasarkan jantina. Item-item tersebut ialah:

1. Lebih baik mengguna wang tunai daripada kad kredit;
2. Tidak mahu terlibat dengan hutang;
3. Tidak perlu kad kredit;
4. Belum bersedia untuk mengguna kad kredit; dan
5. Tidak percaya kepada kad kredit dari segi keselamatan.

Amalan Penggunaan Kad Kredit Mengikut Kelompok Umur

Lebih ramai responden dalam kelompok umur 31-40 tahun mengatakan lebih baik mengguna wang tunai daripada mereka yang di dalam kelompok umur 21-40 tahun.

Lebih ramai responden dalam kelompok umur 21-40 tahun mengatakan mereka tidak mahu terlibat dengan hutang, iaitu 79.3% berbanding 76.1%. Sebaliknya, 76.7% dalam kelompok umur 31-40 tahun mengatakan kad kredit tidak perlu. Lebih tinggi mereka di dalam kelompok umur 21-40 tahun mengatakan mereka belum bersedia untuk menggunakan kad kredit. Sebanyak 36.1% daripada mereka dalam kelompok umur 31-40 tahun mengatakan mereka tidak percaya kepada kad kredit dari segi keselamatan.

Jadual 16: Amalan Penggunaan Kad Kredit Mengikut Kelompok Umur

Pendapat Responden Mengenai Kad Kredit	Kelompok Umur	
	21-30 (N=604)	31-40 (N=210)
Peratus Responden yang Bersetuju dengan kenyataan		
Lebih baik guna wang tunai	80.3	81.9
Tidak mahu terlibat dengan hutang	79.3	76.1
Tidak perlu	73.2	76.7
Belum bersedia Guna Kad kredit	69.4	57.6
Tidak Percaya kepada Kad Kredit dari segi keselamatan	33.6	36.1

Berikut diuraikan amalan penggunaan kad kredit mengikut jantina.

Amalan Penggunaan Kad Kredit Mengikut Jantina

Peratusan responden dalam kelompok lelaki lebih mengatakan lebih baik menggunakan wang tunai berbanding kelompok wanita adalah lebih tinggi iaitu 81.1% berbanding 80.4%. Manakala responden wanita yang mengatakan tidak mahu terlibat dengan hutang adalah lebih tinggi daripada responden lelaki, walaupun perbezaannya kecil sahaja, iaitu 79.2% berbanding 77.7%. Lebih ramai responden lelaki mengatakan kad kredit tidak perlu, iaitu 74.8% berbanding 73.4%. Lebih ramai responden wanita mengatakan mereka belum bersedia untuk menggunakan kad kredit berbanding lelaki iaitu 69.0% berbanding

63.2%. Lebih ramai responden lelaki mengatakan mereka tidak percaya kad kredit dari segi keselamatan berbanding wanita, iaitu 37.0% berbanding 31.9%.

Jadual 17: Amalan Penggunaan Kad Kredit Mengikut Jantina

Pendapat Responden Mengenai Kad Kredit	Jantina	
	Lelaki (N=381)	Perempuan (N=433)
Peratus Responden yang Bersetuju dengan kenyataan		
Lebih baik guna wang tunai	81.1	80.4
Tidak mahu terlibat dengan hutang	77.7	79.2
Tidak perlu	74.8	73.4
Belum bersedia Guna Kad kredit	63.2	69.0
Tidak Percaya kepada Kad Kredit dari segi keselamatan	37.0	31.9

Perbincangan

Sebahagian besar daripada responden memiliki ATM atau bankcard, iaitu 86.8%, manakala Mydkad 52.0%. kad kredit 26.3%, touchNGo 16.8% dank ad debit 4.4%. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa orang ramai memberi perhatian yang lebih kepada kad yang mereka rasa cukup penting, iaitu ATM atau bankcard. Walaupun Mykad penting, tetapi mereka tidak merasa penting untuk memilikinya atau menukar kad pengenalan mereka kepada Mykad. Pemilikan kad kredit adalah penting dalam urusan pembelian, khususnya pembelian melalui Internet. Namun, Cuma 26.3% yang memiliki kad kredit. Peratusan ini adalah menyamai pemilikan sebenar. Peringkat pentingnya, kad kredit ini kini, bank-bank di Malaysia sekarang ini sedang berlumba-lumba menarik orang ramai, sama ada yang sudah memiliki kad kredit atau tidak, untuk memilikinya dengan pelbagai insentif. Terbaru ialah penawaran kad kredit tanpa bayaran yuran untuk sepanjang hayat. Kad touchNGo, walaupun penting kepada pengguna kereta, dan memudahkan perjalanan

tetapi pemilikannya masih rendah. Orang masih gemar membayar secara tunai. Tidak hairanlah jika lorong tunai banyak kereta berbaris untuk membayar tetapi lorong touchNGo dan lorong smartag tidak berapa ramai pengguna. Pemilikan kad debit masih tidak begitu popular sebagainya yang tergambar daripada hasil kajian ini.

Perbandingan yang dibuat terhadap pemilikan Mykad antara dua kelompok umur iaitu 21-30 tahun dan 31-40 tahun menunjukkan mereka di dalam kelompok pertama lebih tinggi pemilikan Mykad berbanding kelompok kedua. Apa yang boleh diandaikan dengan hasil ini ialah mereka dalam kelompok umur 21-30 tahun lebih mudah menerima permintaan untuk menukar kad pengenalan mereka kepada Mykad berbanding dengan kelompok kedua. Walaupun tidak ditunjukkan di sini, tetapi dalam hasil kajian lain menunjukkan bahawa antara lasan yang diberikan kerana tidak menukarkan kad pengenalan kepada Mykad ialah kad pengenalan (pada masa itu) masih boleh digunakan lagi dan tidak perlu tergesa-gesa untuk menukarkannya.

Kajian ini juga mendapati kelompok umur 21-30 tahun lebih tinggi pemilikan Bankcard berbanding kelompok 31-40 tahun. Walaupun demikian perbezannya tidaklah ketara sangat.

Bagaimanapun, pemilikan kad kredit adalah lebih tinggi di dalam kelompok umur 31-40 tahun (38.4%) berbanding kelompok umur 21-30 tahun (20.6%). Hasil ini boleh difahami kerana kelompok kedua ini lebih berupaya untuk memiliki kad kredit kerana mereka sudahpun lama bekerja dan berkemungkinan pendapatannya lebih tinggi daripada mereka yang lebih muda.

Begitu juga pemilikan kad touchNGo. Mereka dalam kelompok umur 31-40 tahun lebih ramai memiliki kad touchNGo berbanding kelompok pertama.

Kajian ini mendapati responden dalam kelompok pendapatan RM1000 dan ke bawah, dan RM1001 – RM3000, lebih tinggi pemilikan bankcard berbanding dengan mereka yang di

dalam kelompok RM3000 dan ke atas. Tidak ada sebab tertentu untuk menjelaskan kedudukan ini.

Sebaliknya, lebih ramai memiliki kad kredit dari kelompok pendapatan RM3000 dan ke atas berbanding dengan dua kelompok lain. Hasil ini jelas menunjukkan bahawa mereka yang berpendapatan tinggi lebih berdaya untuk memiliki kad kredit. Pemilikan kad touchNGo juga nampaknya mereka yang berpendapatan tinggi lebih ramai memiliki kad touchNGo.

Lebih ramai mereka yang di dalam kelompok berpendidikan tertiar memiliki Mykad berbanding mereka yang berpendidikan sekolah. Begitu juga mereka yang memiliki bankcard, kelompok berpendidikan tertiar adalah lebih tinggi. Begitu juga pemilikan touchNGo. Pemilikan kad touchNGo lebih tinggi di kalangan kelompok berpendidikan tertiar.

Urusan perbankan seperti berurusan di kaunter, berurusan di ATM dan berurusan melalui Internet, nampaknya tidak berbeza antara dua kelompok umur yang dikaji. Bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan dalam urusan perbankan ini mengikut kelompok pendapatan. Dari segi berurusan di kaunter mengikut kelompok pendapatan, mereka yang dalam kelompok RM1001 – RM3000 dan kelompok RM3000 dan ke atas lebih ramai berurusan di kaunter berbanding dengan yang berpendapatan rendah. Manakala berurusan di ATM adalah tinggi bagi ketiga-tiga kelompok pendapatan. Tetapi, urusan melalui Internet adalah lebih tinggi bagi mereka yang dalam kelompok pendapatan tinggi.

Mengenai amalan penggunaan kad kredit mengikut kelompok umur adalah didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara antara dua kelompok umur. Lebih ramai responden dalam kedua-dua kelompok umur yang dikaji menyatakan lebih baik mengguna wang tunai, mereka tidak mahu terlibat dengan hutang, mereka juga merasa kad kredit tidak perlu, dan mereka belum bersedia untuk mengguna kad kredit. Mereka yang tidak percaya kepada kad kredit adalah rendah dalam kedua-dua kelompok umur

yang dikaji. Hanya 33.6% dalam kelompok umur 21-30 tahun tidak percaya kepada kad kredit dan 36.1% menyatakan demikian dalam kelompok umur 31-40 tahun.

Tidak terdapat perbezaan yang ketara dari segi pendapat terhadap amalan penggunaan kad kredit mengikut jantina.

Kesimpulan

Kajian ini telah dapat mengenalpasti pemilikan beberapa kad yang penting dalam masyarakat jaringan. Kad-kad ini membantu dalam urusan, sama ada urusan dengan kerajaan, urusan perbankan, urusan perniagaan dan pembelian barang, urusan pengangkutan. Kad-kad ini memudahkan urusan-urusan yang berkaitan. Tanpa kad kredit adalah sukar bagi seseorang untuk membeli barangan seperti buku dan sebagainya dari seberang laut. Pemilikan-pemilikan kad ini dilihat dari segi umur, jantina, pendapatan dan pendidikan.

Sebenarnya, urusan secara konvensional kini diperkukuhkan dengan urusan secara maya. Urusan secara maya ini, sebahagiannya besarnya memerlukan pemilikan kad tertentu. Oleh yang demikian, adalah penting pemilikan kad ini dipertingkatkan jumlah pemilikannya, khususnya kad kredit dan kad touchNGo.
